

31/01/2002

Pasarakyat untungkan pengeluar, pembeli

Nur Lina Rasol

PASARAKYAT, yang dibangunkan untuk menyediakan landasan pemasaran baru bagi peladang, petani dan nelayan tempatan, komited menawarkan harga yang rendah kepada rakyat negara ini menikmati hasil bumi negara.

Pengarah Urusan Pasar Rakyat Sdn Bhd, Steve Wong, berkata sebolehnya Pasarakyat akan berurusan terus dengan pengeluar produk bagi menjamin pelanggan mendapat barangan segar pada harga rendah.

"Konsep yang digunakan Pasarakyat ialah mengambil pada harga yang sepatutnya daripada peladang dan menjualnya semula pada harga yang rendah kepada pengguna," katanya kepada Berita Harian, di Kuala Lumpur, semalam.

Menurut Wong, idea awal Pasarakyat ialah membantu petani, peladang dan nelayan tempatan memasarkan produk mereka kerana sistem pemasaran sedia ada didapati kurang membantu mereka dari segi harga.

"Kebanyakan mereka terpaksa menjual menerusi orang tengah pada harga rendah.

"Kewujudan Pasarakyat diharap dapat membantu membela nasib mereka dan pada masa yang sama, membantu pengguna mendapatkan hasil bumi Malaysia pada harga yang lebih murah," katanya.

Wong berkata, Pasarakyat antara lain, bekerjasama dengan Jabatan Pertanian Negeri Johor yang membantu mengumpulkan hasil pertanian negeri itu untuk dijual di pasar itu.

Terletak di Jalan Delima off Jalan Imbi, Kuala Lumpur, Pasarakyat yang mula dibuka 12 Disember tahun lalu, akan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Sempena pembukaan rasminya, waktu perniagaan Pasarakyat akan dipanjangkan hingga jam 11.30 malam sehingga Tahun Baru Cina. Waktu perniagaan biasanya ialah dari jam tujuh pagi hingga sembilan malam.

Selain itu, bermula hari ini juga, pasar malam dengan konsep 60-an akan mula dibuka di Pasarakyat. Bagi menambah kemeriahan pasar malam yang akan dibuka setiap Khamis itu, pengunjung akan dihiburkan dengan pelbagai jenis hiburan.

Pengunjung juga tidak perlu bimbang untuk meletak kereta kerana Pasarakyat menyediakan ruang meletak kenderaan yang boleh memuatkan sehingga 1,000 kenderaan pada satu-satu masa.

"Selain membeli keperluan harian, pengunjung juga boleh menjamu selera di beberapa buah kedai makan yang disediakan yang antara lain menyediakan hidangan Melayu, Jepun serta India," katanya.

Menurut Wong, Pasarakyat juga mempunyai rancangan untuk menambah bilangan produk yang ditawarkan dengan turut memasarkan makanan sudah diproses yang dihasilkan Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS).

"Kami sedang berbincang dengan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP) untuk tujuan itu," katanya.

Wong berkata, setiap peladang, petani, nelayan ataupun pengeluar makanan proses yang ingin memasarkan produk mereka perlu mendaftar dengan Pasarakyat untuk tujuan penjagaan mutu.

"Kami sangat mengambil berat mutu produk kerana ia memainkan berfungsi penting untuk menarik pelanggan. Jadi menerusi pendaftaran itu kami dapat mengenal pasti pengeluar yang memiliki produk yang baik dan segar," katanya.

(END)